



ADVISORY NOTE NO. 2/2026

KELAYAKAN KELUAR FLEKSIBEL (FLEXIBLE EXIT QUALIFICATION)

BAGI PROGRAM DOKTOR FALSAFAH (TAHAP 8 MQF)

PENDAHULUAN:

1. *Advisory Note* ini bertujuan untuk memperjelaskan konsep, prinsip dan ketetapan serta peranan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) berkaitan Kelayakan Keluar Fleksibel bagi program mod penyelidikan di peringkat Doktor Falsafah (Tahap 8 MQF).
2. *Advisory Note* ini disediakan selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) serta dokumen jaminan kualiti MQA yang berkuat kuasa, bagi menyokong fleksibiliti laluan pembelajaran tanpa menjejaskan standard akademik dan integriti kelayakan.

LATAR BELAKANG:

3. Landskap pendidikan tinggi masa kini memerlukan pendekatan yang lebih fleksibel dan kontekstual dalam mengurus laluan pembelajaran pelajar, khususnya bagi program penyelidikan yang melibatkan tempoh pengajian yang panjang dan keupayaan penyelidikan yang berkembang secara berperingkat.
4. Sehubungan itu, Kelayakan Keluar Fleksibel dilihat sebagai satu mekanisme akademik yang membolehkan pengiktirafan pencapaian pembelajaran calon dibuat secara adil dan berasaskan bukti selaras dengan tahap hasil pembelajaran yang ditetapkan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).
5. Amalan di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa pelbagai sistem pendidikan tinggi telah mengadaptasi mekanisme laluan fleksibel dan pengiktirafan berperingkat bagi program penyelidikan, selaras dengan prinsip pembelajaran sepanjang hayat, kebolehsuaian akademik dan penilaian berasaskan pencapaian. Pendekatan ini membolehkan pencapaian

pembelajaran calon dinilai secara adil dan telus tanpa menjejaskan standard kelayakan tertinggi yang ditetapkan.

SKOP PEMAKAIAN

6. *Advisory Note* ini terpakai kepada semua program penyelidikan sepenuhnya di peringkat Doktor Falsafah (Tahap 8 MQF).
7. *Advisory Note* ini tidak terpakai kepada program Kedoktoran mod kerja kursus atau mod campuran.

DEFINISI

8. Penganugerahan Kelayakan Keluar Fleksibel bagi program Doktor Falsafah (Tahap 8 MQF) merujuk kepada kelayakan akademik alternatif yang boleh dipertimbangkan untuk dianugerahkan kepada calon program penyelidikan yang telah memenuhi hasil pembelajaran dan keperluan penilaian pada tahap MQF yang lebih rendah berdasarkan penilaian akademik formal yang didokumenkan, tetapi tidak memenuhi syarat bergraduat program asal.
9. Penganugerahan Kelayakan Keluar Fleksibel tidak diberikan secara automatik, sebaliknya dipertimbangkan berdasarkan penilaian akademik khusus yang dilaksanakan oleh PPT secara berasingan.

PRINSIP PELAKSANAAN

Pencapaian Tahap MQF

10. Penganugerahan Kelayakan Keluar Fleksibel hendaklah berasaskan pencapaian hasil pembelajaran calon pada peringkat Sarjana (Tahap 7 MQF).
11. Sekiranya pencapaian hasil pembelajaran Sarjana (Tahap 7 MQF) tidak dapat dibuktikan melalui penilaian akademik yang ditetapkan, calon tidak layak dipertimbangkan bagi penganugerahan kelayakan tersebut.

Autonomi PPT

12. Senat PPT mempunyai autonomi akademik untuk menetapkan kriteria dan mekanisme penilaian bagi menentukan kesesuaian penganugerahan Kelayakan Keluar Fleksibel.

Tanggungjawab Jaminan Kualiti Dalam

13. Semua keputusan berkaitan Kelayakan Keluar Fleksibel hendaklah:

- i. mematuhi prinsip jaminan kualiti PPT dan selaras dengan ketetapan Sarjana (Tahap 7 MQF) dan Doktor Falsafah (Tahap 8 MQF) oleh MQA dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) yang berkaitan;
- ii. berasaskan bukti yang jelas dan boleh dijejaki; dan
- iii. direkodkan secara sistematik.

MEKANISME PELAKSANAAN

Laluan Kemasukan

14. Penganugerahan Kelayakan Keluar Fleksibel hanya terpakai kepada calon yang telah berdaftar sebagai pelajar Doktor Falsafah melalui:

- i. laluan konvensional melalui syarat kemasukan biasa;
- ii. laluan *fast-track* daripada Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) ke Doktor Falsafah (Tahap 8 MQF);
- iii. laluan naik taraf daripada program Sarjana (Tahap 7 MQF) ke program Doktor Falsafah (Tahap 8 MQF);
- iv. kemasukan melalui APEL A ke Doktor Falsafah (Tahap 8 MQF); dan
- v. kemasukan lain-lain yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.

15. Laluan kemasukan hendaklah dinilai oleh Panel Pemeriksa Doktor Falsafah sebelum dicadangkan bagi pertimbangan Penganugerahan Kelayakan Keluar Fleksibel.

Pemadanan Program Sarjana

16. Penganugerahan Kelayakan Keluar Fleksibel hendaklah dilaksanakan di bawah program sedia ada yang berdaftar dan diiktiraf, dengan sekurang-kurangnya status Akreditasi Sementara (PA), serta diklasifikasikan di bawah Kod Pendidikan Nasional (NEC) yang bersesuaian.

Penilaian Peringkat Sarjana

17. PPT hendaklah memastikan pencapaian hasil pembelajaran calon berpotensi memenuhi hasil pembelajaran program bagi kelayakan yang dicadangkan untuk penganugerahan.

18. Penilaian formal hendaklah dilaksanakan oleh panel yang mempunyai kepakaran dan kefahaman dalam bidang yang bersesuaian.

19. Sekiranya keputusan Panel Pemeriksa tidak dapat dimuktamadkan untuk penganugerahan peringkat Sarjana semasa viva voce Doktor Falsafah, PPT hendaklah melaksanakan penilaian berasingan sebelum mencadangkan Penganugerahan Kelayakan Keluar Fleksibel.

20. Berdasarkan kepada kesesuaian bidang, mekanisme penilaian Kelayakan Keluar Fleksibel boleh merangkumi, tetapi tidak terhad kepada:

- i. viva voce;
- ii. penilaian tesis akhir; dan
- iii. sistem penilaian akademik formal lain yang diluluskan oleh Senat PPT.

PENUTUP

21. Kelayakan Keluar Fleksibel bagi program Doktor Falsafah (Tahap 8 MQF) merupakan satu mekanisme akademik yang menyokong fleksibiliti laluan pembelajaran berasaskan pencapaian sebenar calon.

22. PPT bertanggungjawab memastikan pelaksanaannya dibuat secara berintegriti, telus dan mematuhi tahap pembelajaran MQF bagi mengekalkan keyakinan terhadap kualiti kelayakan pendidikan tinggi negara.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di www2.mqa.gov.my/sppa/.

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

29 JANUARI 2026

PENGHARGAAN:

MQA merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Dr. Amir Akramin bin Shafie, Prof. Datin Dr. Santhi Raghavan dan Associate Prof. Dr. Zuhaili Akmal Ismail atas sumbangan kepakaran, komitmen serta kerjasama profesional yang diberikan dalam penulisan *Advisory Note: Kelayakan Keluar Fleksibel (Flexible Exit Qualification)*.